

27 NOV 1999
POASM-Sokong
ORANG ASLI SOKONG BN

SEREMBAN, 27 Nov (Bernama) -- Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) hari ini menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya Majid Suhut berkata sokongan padu itu bukan hanya sekarang tetapi sejak dahulu lagi kerana telah terbukti kerajaan sedia ada mampu membela nasib masyarakat Orang Asli di seluruh negara.

"Walaupun terdapat segelintir di kalangan masyarakat kami tidak berpuas hati dalam beberapa perkara tetapi secara keseluruhannya mereka masih menyokong dan setia dengan kerajaan BN," katanya kepada Bernama ketika dihubungi hari ini.

Majid, 37, mendakwa POASM kini mempunyai 16,000 keanggotaan di seluruh negara.

Katanya kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dikecapi selama ini harus dikekalkan bagi meneruskan agenda pembangunan negara ke alaf baru.

Sementara itu Persatuan Ceylonese Negeri Sembilan (NSCA) dan Majlis Belia Hindu Negeri Sembilan (NSHYC) melahirkan keyakinan BN akan meraih kemenangan pada pilihan raya umum ini.

Presiden NSCA S.Kumarasamy berkata rakyat tidak perlu menukar kerajaan kerana kerajaan sedia ada telah terbukti rekod perkhidmatannya.

Oleh itu rakyat terutama kaum India di negara ini perlu sedar dan jangan tertipu dengan janji parti pembangkang, katanya.

Pengerusi NSHYC R.Arjunan pula berkata kerajaan BN perlu dikekalkan berdasarkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan BN.

Rakyat perlu menolak parti pembangkang kerana mereka belum pasti dapat mentadbir negara dengan jaya berbanding kerajaan BN, katanya.

-- BERNAMA

RP LAT